

08/05/1997

Everest: RTM buat siaran langsung

Akmal Abdullah

KIRA-KIRA 13 juta penduduk negara ini dijangka menyaksikan detik bersejarah bendera Malaysia dikibarkan di puncak Gunung Everest menerusi TV2 apabila kumpulan pendaki negara bakal melaksanakannya, pagi esok (Jumaat).

Siaran secara langsung dari empat lokasi di sekitar gunung tertinggi di dunia itu akan memaparkan pendakian dari Kem Dua ke puncak mengikut tempoh yang mampu mereka lakukan manakala siaran mengenainya akan bermula pada jam 6.30 pagi (waktu Malaysia).

TV2 akan mengadakan lintas langsung ke Everest setiap setengah jam waktu siaran pada hari berkenaan dari lokasi di Kem Pangkalan, Kem Empat, Gunung Kalapattar dan puncak Everest.

Pengawal TV2, Zohara Ghany Bathusa, berkata siaran itu juga akan memuatkan perbualan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya dengan anggota kumpulan pendaki.

Katanya, TV2 sudah membuat persiapan rapi untuk siaran langsung itu dengan menggunakan enam kamera termasuk dua kamera untuk rakaman di Jabatan Perdana Menteri dan dua kamera lagi di Studio 1 sementara penerbit siaran langsung dari Everest ialah Ngani Annuar.

"Kita berharap dan berdoa supaya cuaca dan keadaan angin di kawasan gunung itu tidak menghalang pendaki ke puncak. Jika cuaca tidak mengizinkan mereka untuk terus mendaki, siaran langsung ini ditunda mengikut keadaan di sana.

"Kita sudah membuat persiapan dengan menghantar enam kamera serta sembilan krew yang diketuai jurutera Ahmad Murad Kamaruddin bagi melaporkan detik bersejarah itu," katanya selepas majlis pengumuman penjadualan baru TV2 oleh Pengarah Perancangan Pengurusan TV RTM, Helan Abu di Angkasapuri, semalam.

Sebanyak RM9 juta dibelanjakan untuk kos peralatan dan kelengkapan yang turut ditaja oleh Telekom Malaysia bagi menyiarkan peristiwa yang menjadi kebanggaan Malaysia.

Hari ini, kumpulan pendaki dilaporkan mula mendaki ke puncak mulai jam 10 malam (waktu Nepal) dari Kem Dua. Selepas hampir 10 jam mendaki, mereka akan melaporkan mengenai keputusan yang diambil sama ada meneruskan pendakian atau sebaliknya berdasarkan keadaan cuaca.

(END)